



**PANDUAN PERSIJILAN  
PROGRAM STANDARD KETERAMPILAN KEBANGSAAN (SKK) /  
NATIONAL COMPETENCY STANDARD (NCS)  
DI BAWAH SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA**

**JPK PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA,  
MALAYSIA.**

**15 Mac 2012**

## **ISI KANDUNGAN**

ISI KANDUNGAN .....	2
1.0 PENDAHULUAN .....	3
2.0 OBJEKTIF .....	3
3.0 TARIKH KUATKUASA .....	4
4.0 TAFSIRAN .....	4
5.0 SENARAI RINGKASAN.....	6
6.0 PELAKSANAAN PROGRAM STANDARD KETERAMPILAN KEBANGSAAN (SKK) / NATIONAL COMPETENCY STANDARD (NCS).....	6
6.1 SYARAT-SYARAT UMUM .....	6
6.2 PENDAFTARAN PELATIH.....	7
6.3 PELAKSANAAN LATIHAN.....	7
6.4 PERSONEL PENTAULIAHAN .....	8
6.5 PENILAIAN PELATIH.....	9
6.6 LAWATAN VERIFIKASI .....	11
6.7 PERSIJILAN.....	11
7.0 CARTA ALIR .....	12

**PANDUAN PERSIJILAN PROGRAM STANDARD KETERAMPILAN  
KEBANGSAAN (SKK) / NATIONAL COMPETENCY STANDARD (NCS)  
DI BAWAH SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA**

2012

## **1.0 PENDAHULUAN**

Panduan ini adalah merupakan syarat-syarat persijilan yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran dan hendaklah dibaca bersama Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] dan Panduan Pelaksanaan dan Syarat Pentauliahan Pusat Bertauliah di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan yang berkuatkuasa.

Standard Keterampilan Kebangsaan (SKK) ditakrifkan sebagai spesifikasi kompetensi yang diperlukan bagi seseorang pekerja mahir yang bekerja di Malaysia untuk sesuatu bidang pekerjaan khusus yang memenuhi keperluan industri di bawah NOSS. SKK terdiri daripada 2 komponen utama iaitu carta profil pekerjaan dan profil tugasan.

## **2.0 OBJEKTIF**

Memberi panduan kepada penyedia latihan dalam melaksanakan program SKK dalam Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).

### **3.0 TARIKH KUATKUASA**

Panduan Persijilan Program Standard Keterampilan Kebangsaan (SKK) / National Competency Standard (NCS) di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia ini mula berkuatkuasa pada 15 Mac 2012 di semua Pusat Bertauliah.

### **4.0 TAFSIRAN**

Dalam panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

**“Akta 652”** ertinya Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652];

**“Ketua Pengarah”** ertinya mana-mana pegawai awam yang dilantik sebagai Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran;

**“kurikulum”** ertinya kandungan anjuran suatu program penyelidikan yang telah dibuat oleh suatu penyedia latihan kemahiran yang menunjukkan aktiviti yang dijalankan, masa yang diperuntukkan kepada setiap aktiviti, dan turutannya;

**“modul”** ertinya sesuatu subjek pembelajaran yang dibentuk melalui penggabungan tugas-tugas tertentu dalam NOSS berkaitan;

**“Pegawai Penilai”** ertinya pengajar di PB yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan dan ditauliah oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan penilaian keterampilan calon hanya di PB yang ditetapkan;

**“Pegawai Pengesah Luaran”** ertinya seseorang personel yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan penentusan luaran di pusat bertauliahan;

**“Pengurus Pusat Bertauliahan”** ertinya seseorang yang diberikan kuasa oleh pemilik pusat bertauliahan dan berdaftar dengan Ketua Pengarah untuk mentadbir pelaksanaan pentauliahan;

**“pentauliahan”** ertinya suatu tatacara yang Ketua Pengarah menilai dan meluluskan sesuatu program latihan kemahiran;

**“penyedia latihan kemahiran”** ertinya suatu pertubuhan perbadanan, organisasi atau lain-lain kumpulan orang yang mengendalikan program latihan kemahiran yang maksud utamanya adalah bagi memenuhi kehendak NOSS berkaitan;

**“personel pentauliahan”** ertinya seseorang yang berdaftar dengan Ketua Pengarah sebagai pengurus pusat bertauliahan dan pegawai penilai, yang terlibat secara langsung dalam sistem jaminan kualiti Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia;

**“program latihan”** ertinya suatu kumpulan aktiviti latihan dan penilaian, dan hasil pembelajaran bagi suatu pekerjaan tertentu;

**“Pusat Bertauliahan”** ertinya suatu penyedia latihan kemahiran yang telah diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan suatu program bertauliahan sehingga kepada penganugerahan suatu Sijil;

**“Sijil”** ertinya kelayakan kemahiran yang dianugerahkan kepada seseorang oleh Ketua Pengarah di bawah Akta 652;

**“Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skill Standard-NOSS*)”** ertinya satu dokumen yang menggariskan keterampilan yang perlu dimiliki oleh seseorang pekerja dalam sesuatu bidang pekerjaan serta laluan untuk mencapai keterampilan tersebut;

## **5.0 SENARAI RINGKASAN**

SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
PC	Penyata Pencapaian
KPPK	Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
NCS	National Competency Standard
JKP	Jabatan Pembangunan Kemahiran
NOSS	<i>National Occupational Skills Standard</i>
PB	Pusat Bertauliah
PLK	Penyedia Latihan Kemahiran
PP	Pegawai Penilai
PPB	Pengurus Pusat Bertauliah
SPKM	Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia
SKK	Standard Keterampilan Kebangsaan

## **6.0 PELAKSANAAN PROGRAM STANDARD KETERAMPILAN KEBANGSAAN (SKK) / NATIONAL COMPETENCY STANDARD (NCS)**

### **6.1 SYARAT-SYARAT UMUM**

- 6.1.1 Program SKK boleh dilaksanakan secara latihan sepenuh masa atau separuh masa di Pusat Bertauliah (PB) mengikut tempoh latihan yang diluluskan oleh JPK.
- 6.1.2 Mana-mana pelatih yang sedang mengikuti program latihan sepenuh masa (SKM atau SKK) di Pusat Bertauliah boleh juga mengikuti program SKK separuh masa yang lain.

6.1.3 Pelatih tidak dibenarkan berdaftar bagi program SKK yang sama di PB yang berlainan.

## **6.2 PENDAFTARAN PELATIH**

6.2.1 Pelatih perlu didaftarkan oleh PB beserta bayaran sebelum tarikh program SKK dilaksanakan.

6.2.2 Yuran pendaftaran bagi setiap pelatih adalah RM 100.00 bagi setiap program.

6.2.3 Bayaran pendaftaran tidak akan dikembalikan sekiranya pelatih tidak menamatkan latihan dalam tempoh latihan yang ditetapkan dan tidak boleh diganti dengan pelatih lain.

6.2.4 Sekiranya bayaran tidak dijelaskan, lawatan verifikasi tidak akan dilakukan dan Sijil tidak akan dikeluarkan.

## **6.3 PELAKSANAAN LATIHAN**

6.3.1 Latihan dan penilaian hendaklah dilaksanakan hanya di Pusat Bertauliah yang mendaftarkan pelatih tersebut.

6.3.2 Kurikulum latihan

6.3.2.1 Kurikulum latihan hendaklah dibangunkan mengikut SKK terkini. PLK hendaklah menyediakan kurikulum latihan bersesuaian yang merangkumi:-

- a. laluan latihan (*Training pathway*);
- b. pakej pembelajaran yang lengkap iaitu modul atau apa-apa pakej pembelajaran yang memenuhi keperluan SKK;
- c. dokumen penilaian teori dan amali bagi semua modul; dan
- d. perincian pelan pelaksanaan latihan, jadual latihan mingguan sepanjang tempoh pelaksanaan program latihan dan jadual penilaian peperiksaan akhir;

## **6.4 PERSONEL PENTAULIAHAN**

### **6.4.1 Pengurus Pusat Bertauliah (PPB)**

#### **6.4.1.1 Peranan dan tanggungjawab**

- a. Mengurus, memantau dan mengawalselia pelaksanaan latihan kemahiran melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia;
- b. Menjadi pegawai perhubungan di antara JPK dan PB;
- c. Bertanggungjawab dalam mematuhi apa-apa peraturan dan arahan JPK berkaitan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia;
- d. Mengambil tindakan susulan terhadap komen dan cadangan penambahbaikan berterusan;
- e. Memastikan segala program yang ditawarkan menepati keperluan SKK terkini;
- f. Melantik PP hanya bagi program SKK pada satu-satu masa sahaja.

#### **6.4.1.2 Kriteria**

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Berumur sekurang-kurangnya 18 tahun;
- c. Ketua kepada organisasi atau pegawai yang diberi tanggungjawab untuk mentadbir organisasi berkenaan;
- d. Berkhidmat di satu PB sahaja; dan
- e. Lulus Kursus Induksi PP/PPD/PPB.

### **6.4.2 Pegawai Penilai (PP)**

#### **6.4.2.1 Peranan dan tanggungjawab:-**

- a. Merangka prosedur latihan dan penilaian latihan bersama PPB;

- b. Menjelaskan kepada calon tentang objektif, keperluan latihan dan penilaian keterampilan berdasarkan SKK terkini;
- c. Melaksanakan proses latihan dan penilaian dengan berkesan, telus dan sahih;
- d. Membimbing calon dalam penyediaan rekod bukti keterampilan;
- e. Memantau perkembangan prestasi dan membimbing pelatih pada setiap keterampilan;
- f. Melaksana keperluan pendaftaran dan persijilan melalui sistem yang ditetapkan.

6.4.2.2 Kriteria:-

- a. Warganegara Malaysia ;
- b. Berumur sekurang-kurangnya 18 tahun;
- c. Lulus Kursus Induksi PP/PPD/PPB;
- d. Bagi bidang-bidang yang mempunyai kaitan dengan badan penguatkuasaan dan pelesenan, perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh badan berkuasa berkaitan.

6.4.2.3 PB perlu mengemukakan butiran pengajar yang dilantik kepada JPK untuk kelulusan menggunakan Borang JPK/SKK/01. (**Lampiran 1**)

6.4.2.4 Sekiranya berlaku pertukaran tenaga pengajar, PB hendaklah mengemukakan permohonan kelulusan baru.

## 6.5 PENILAIAN PELATIH

6.5.1 Perlu mengemukakan jenis dan kaedah penilaian yang akan dijalankan kepada JPK untuk kelulusan semasa permohonan menjadi PB.

- 6.5.2 Peperiksaan Akhir akan dilaksanakan hanya pada akhir sesi latihan yang dipersetujui bersama JPK dan PB.
- 6.5.3 Bukti keterampilan :-
- (a) Penilaian Teori
    - i. Soalan penilaian teori secara ujian bertulis/lisan/kuiz atau yang bersesuaian; dan
    - ii. Bukti keputusan penilaian dalam bentuk kertas jawapan/borang penilaian teori atau yang bersesuaian.
  - (b) Penilaian Praktikal
    - i. Soalan penilaian praktikal secara pemerhatian/pembentangan/amali atau yang bersesuaian; dan
    - ii. Bukti keputusan penilaian dalam bentuk senarai semak/borang penilaian praktikal/projek atau yang bersesuaian.
- 6.5.4 PB perlu memastikan soalan yang digubal sahih, boleh dipercayai dan mencukupi keperluan SKK.
- 6.5.5 Kriteria soalan penilaian akhir adalah seperti berikut :
- 6.5.5.1 Memenuhi keperluan SKK; dan
  - 6.5.5.2 Mencapai tahap kekompetenan yang diperlukan industri.
- 6.5.6 Verifikasi bukti keterampilan akan ditentusahkan oleh PP yang telah diperakukan oleh JPK.
- 6.5.7 Sistem Pemarkahan

<b>PROGRAM</b>	<b>MARKAH (%)</b>	
SKK	Terampil	Tidak Terampil
	60-100	0-59

## **6.6 LAWATAN VERIFIKASI**

- 6.6.1 PB perlu memohon lawatan verifikasi secara atas talian semasa pendaftaran pelatih dilakukan.
- 6.6.2 Lawatan verifikasi akan dilaksanakan pada hari terakhir program di mana PB perlu memastikan pelatih hadir semasa sesi lawatan diadakan.

## **6.7 PERSIJILAN**

- 6.7.1 Pelatih akan dianugerahkan Sijil setelah memenuhi syarat-syarat berikut :
  - (a) Berdaftar dengan JPK;
  - (b) Menepati keperluan SKK; dan
  - (c) Lulus penilaian seperti yang telah ditetapkan oleh JPK.
- 6.7.2 Pelatih dikategorikan gagal dan tidak akan dianugerahkan dengan apa-apa Sijil sekiranya :-
  - (a) Tidak hadir semasa lawatan verifikasi; atau
  - (b) Tidak terampil penilaian teori atau praktikal atau kedua-duanya; atau
  - (c) Berhenti atau diberhentikan.
- 6.7.3 Pelatih yang gagal dan ingin mengikuti semula penilaian hendaklah:
  - (a) Didaftarkan semula di PB asal beserta bayaran RM 100.00; dan
  - (b) Menjalani penilaian teori atau praktikal yang telah ditetapkan.

## 7.0 CARTA ALIR

